

# KERTAS KERJA



# سَمِينار هاري كَبانْسان

## SEMINAR HARI KEBANGSAAN

Tema  
PATRIOTISME TERAS KETEGUHAN NEGARA  
"20 TAHUN MERDEKA: PENCAPAIAN DAN HALA TUJU"

Anjuran  
JAWATANKUASA TERTINGGI  
SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-20  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Kelolaan Bersama  
PUSAT SEJARAH BRUNEI  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
&  
PERSATUAN SEJARAH BRUNEI (PESEBAR)

Tempat  
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

"BRUNEI DARUSSALAM: PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI  
DAN CABARANNYA"

Oleh

Yang Mulia Awang Haji Ismail bin Duraman



Tarikh

20-22 Muharram 1425 • 12-14 Mac 2004

# **BRUNEI DARUSSALAM: PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI DAN CABARANNYA**

Oleh

**Haji Ismail Duraman**

## **Mukadimah**

Apapun pengertian konsep pembangunan yang sering dibahas dalam 'literature pembangunan ekonomi,' Negara Brunei Darussalam (NBD) sedang dan terus melaksanakan proses pembangunan untuk mencapai matlamat menurut corak atau calak dan caranya tersendiri iaitu pembangunan berteraskan ajaran Islam. Proses pembangunan dalam bidang sosio-ekonomi berjalan dengan rancak dan ketara pada akhir-akhir ini khasnya yang menjerus dalam pembangunan sumber tenaga manusia. Pembangunan sumber manusia negara ini bertujuan bukan sahaja ingin melahirkan tenaga buruh berkemahiran tapi juga usaha pembentukan masyarakat Brunei beridentiti melalui penerapan nilai-nilai Islam dan elemen positif ke Bruneian. Proses ini dilaksanakan melalui sistem pendidikan yang komprehensif bertujuan bukan sahaja menyediakan pendidikan asas, memberi ilmu dan kemahiran bagi mengisi keperluan industri kepada anak Brunei bahkan juga dihasratkan untuk menjadikan mereka warga negara bertanggung jawab dan berakhlak mulia.

Pembangunan sumber manusia NBD diiringi dan dilengkapi dengan program pembangunan di bidang-bidang yang dikenalpasti dan perlu dilaksanakan melalui beberapa siri Rancangan Kemajuan Negara (RKN). Sebahagian besar peruntukan RKN ditumpukan kepada projek pembangunan sosial, perkhidmantan awam, infrastruktur, perbandaran dan ekonomi. Program pembangunan ini ternyata berhasil memperbaiki taraf hidup penduduk yang kini dapat menikmati serba serbi kemudahan asasi yang tidak mudah diperolehi sebelumnya. Pembinaan infrastruktur fizikal, pendidikan berkualiti, perkhidmatan kesihatan asasi yang baik, suasana kehidupan aman sejahtera diikuti dengan keadaan alam sekitar yang masih terkawal telah membantu negara ini diiktiraf sebagai negara maju. Dasar perkhidmatan awamnya berjaya memberikan dan menyediakan sistem jalanraya yang baik, sistem perhubungan telefon bermutu tinggi dan pengagihan utiliti (air dan letrik) keseluruh kawasan di mana penduduk bermastautin.

Walau bagaimanapun, memandangkan suasana ekonomi dunia yang belum pulih sepenuhnya, secara menyeluruh sejak krisis kewangan 1997, peristiwa September 11 di Pusat Perdagangan Dunia, New York, perang ke atas Iraq, serangan penyakit Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) dan baru-baru ini penyakit Selesma Burung, telah banyak mengubah landskap politik dan ekonomi dunia sedikit sebanyak menjejaskan ekonomi NBD, khususnya industri yang bergantung kepada kedatangan pelancung (Hospitality Industries). Keadaan ekonomi dunia ini ditambah dengan penilaian positif terhadap rezab sumber alam (minyak dan gas) negara ini untuk jangka dua dekad akan datang meyakinkan bahawa ekonomi NBD masih dan akan terus sebagai negara pengeluar

minyak dan gas cecair asli di rantau ini meskipun usaha ke arah mempelbagaikan ekonomi masih diberikan keutamaan sejak akhir-akhir ini. Ini bermakna minyak dan gas masih akan terus menyumbang terhadap proses perkembangan ekonomi dan pembangunan negara.

Manakala suasana politik dan kehidupan aman serta petunjuk atau indikator pembangunan sosial pada keseluruhannya adalah sangat menggalakan. Suasana sosial kehidupan masyarakat pula menampakkan trend yang kurang disenangi terutamanya dalam pergaulan, cara berfikir dan bertindak anak muda yang berubah akibat dari tekanan pengaruh luar atas nama proses permodenan yang deras dibawa oleh arus globalisasi. Tidak kurang juga keadaan ini akibat dari tekanan ekonomi dan cabaran yang datangnya dari berbagai sudut termasuk kehidupan yang tidak melihat agama sebagai utap atau pendinding sehingga ada yang berani melakukan perbuatan yang bercanggah dengan tata-susila, undang-undang negara dan larangan agama Islam. Senario ini satu kekhuatiran yang perlu dikhuatiri oleh negara yang selama ini mengalami kehidupan yang aman damai, sejahtera dan terhindar dari gejala sosial.

Kehidupan sebegini tidak dapat dinafikan sebahagiannya berkaitan dengan ekonomi yang menjadi nadi kepada tindak tanduk manusia yang perlu pada kehidupan dunia yang semakin mencabar. Isu ekonomi inilah di antara perkara yang cuba disentuh secara ringkas dalam kertas ini, iaitu melihat perkembangan sosio-ekonomi Negara khasnya dalam era kemerdekaan. Sebelum perbincangan dibuat mengenai isu ini, beberapa konsep dan pengertian pembangunan akan disentuh sebagai latar belakang perbincangan seterusnya.

### **Pelbagai Erti Pembangunan**

Pembangunan, sungguhpun mudah disebut tapi mempunyai pengertian yang luas, kompleks dan berpelbagai. Para pengkaji sering berbeza pendapat dan membuat definasi sendiri bergantung kepada aspek dan bidang yang ingin diberi penumpuan, misalnya peningkatan produktiviti, peningkatan kemudahan social, pembasmian kemiskinan dan sebagainya. Pengukuran pembangunan pula dan perbandingan pembangunan antara negara juga sukar dibuat disebabkan masalah pengertian, perbezaan objektif dan tingkat pembangunan antara negara. Bagaimanapun, apa yang pasti setiap negara mempunyai hasrat dan arah-tuju tertentu dalam usahanya melaksanakan proses pembangunan negara. Namun demikian sukat-sukat yang biasa untuk dijadikan bahan ukur apabila membincangkan pencapaian pembangunan sesebuah negara adalah menggunakan pendapatan benar per kapita. Kritik menggunakan kayu ukur ini kerana kelemahan penggunaan unit mata wang, sedangkan banyak aktiviti pembangunan tidak mudah diukur dengan unit wang. Misalnya isu dan nilai yang berkaitan dengan moral, kesejahteraan dan spiritual. Oleh itu peningkatan pendapatan benar per kapita hanyalah sebahagian dari pencapaian objektif pembangunan, sedangkan isu pengagihan kekayaan negara dengan adil dan aspek-aspek lain berkaitan dengan kesejahteraan ummah juga perlu mendapat perhatian dan tumpuan dalam proses pembangunan. Begitu juga apabila sebahagian besar kekayaan negara jatuh ke tangan masyarakat luar tidak menggambarkan

kesejahteraan keseluruhan negara kerana pembangunan yang mampan dan terarah memastikan kekayaan dinikmati oleh seluruh warga negara berkenaan. Ini memberi erti bahawa pembangunan yang baik bukan sahaja menumpukan focus terhadap projek pembangunan material, pendidikan dan kesihatan demi menaikkan taraf hidup rakyat, bahkan juga melaksanakan program meningkatkan nilai-nilai non-material yang menyumbang kepada kebahagiaan hidup seperti kehidupan berjiran, beragama, rekreasi selain membasmi kemiskinan melalui pengagihan kekayaan yang adil. Pembangunan juga hendaklah membawa masyarakat ikut serta agar sama-sama menyumbang dan tidak terpinggir dalam proses pembangunan di negaranya sendiri. Sebab itu pembangunan hendaklah berfokus kepada pembangunan manusia.

### **Pencapaian dan Perkembangan Sosio-ekonomi Brunei Sepintas Lalu**

Setiap projek pembangunan memerlukan kekuatan dan kekukuhan kewangan. Sebab itu apabila membincangkan konteks pembangunan tidak dapat tidak akan merujuk kepada kadar pertumbuhan ekonomi tahunannya. (Biasanya Pendapatan Negara atau Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK). Bagi negara kita yang bersumberkan bahan minyak dan gas cecair asli yang dieksport sebagai sumber pendapatan negara, seterusnya disalurkan menjadi hasil kerajaan disalurkan pula kepada pembangunan negara melalui Rancangan Kemajuan Negara lima tahun (RKN). Sejak beberapa siri RKN, ia telahpun menghasilkan kesan yang positif.

Bagaimanapun, seperti yang disedari bahawa hasil kerajaan yang bergantung sepenuhnya kepada sector minyak menanggung risiko kerana ketidak-tentuan harga minyak, kepupusan sumber alam kerana tidak dapat diperbaharui. Oleh itu, usaha kearah mempelbagaikan ekonomi adalah satu kemestian bagi menjamin masa depan dan taraf kehidupan masyarakat Brunei.

Usaha mempelbagaikan ekonomi ini telah berlangsung sejak tahun 70an lagi apabila negara ini menyedari bahawa minyak dan gas adalah dua bahan bakar yang tuhus dan pupus apabila diguna-pakai (exhaustable resources). Kesedaran ini sudah lama dimaklumi, malah disedari oleh Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien, Sultan Brunei ke 28 semasa baginda meluluskan Belanjawan Rancangan Kemajuan Pembanguna Pertama 1953. Baginda memberikan peruntukan lebih terhadap sector pendidikan dan infrastruktur sebagai keutamaan, selain dari berhasrat untuk memperbaiki taraf hidup rakyat. Sejak itu, penghantaran pelajar-pelajar Brunei ke luar negeri mengikuti skim dermasiswa kerajaan dipergiat. Dalam masa yang sama, sistem pendidikan negara diusai dan disesuaikan dengan keadaan semasa, lebih-lebih lagi sejak kemerdekaan apabila kementerian yang mengendalikan pendidikan diwujudkan bagi memastikan hal ehwal pendidikan tidak terabai.

Dalam konteks negara ini persoalan yang perlu dilihat ialah apakah usaha-usaha menukar hasil minyak kepada pembangunan social berhasil dan dinikmati oleh masyarakat.

Jawapan ringkasnya YA. Ini ternyata dari indicator sosial yang menggalakan. Adalah tidak dapat dinafikan usaha ini membuahkan hasil secara perlahan kerana untuk menjadikan Brunei tidak bergantung kepada sector minyak tidak dapat dilakukan sekelip mata dan tanpa mempunyai pakar dan sumber tenaga yang berkemahiran menangani setiap sector ekonomi yang diperlukan. Pada peringkat awal memang kepakaraan banyak didatangkan dari luar dan pembinaan keupayaan anak tempatan bagi mengambil alih memakan sedikit masa, bagaimanapun rancangan dan hasrat menjadikan anak tempatan berkemahiran dalam berbagai bidang untuk membangun negara telah menampakkan kesan dan hasil. Sekarang kita dapat melihat bagaimana pendidikan telah dapat menjadi asas yang kukuh dan berjaya menjadikan masyarakat Brunei berilmu pengetahuan, memegang berbagai jawatan tinggi dan bertanggung jawab pembuat dasar serta keputusan tanpa bantuan orang asing. Ini adalah salah satu erti kemerdekaan.

Langkah awal menuju kearah menjadikan rakyat dapat mengambil alih pentadbiran dan membuat keputusan sendiri dengan adanya ilmu pengetahuan, kepakaran serta kemahiran yang diperlukan. Sekolah-sekolah dapat didirikan di merata ceruk dan rantau negara bagi memastikan matlamat pendidikan dapat dinikmati oleh semua rakyat dan penduduk yang bernaung di negara Brunei Darussalam. Ini juga bererti bahawa pembangunan itu dihasilkan dari sumbangan dan rakyat jati dan seterusnya menikmati kemewahan dari hasil kekayaan negara sendiri bukan dari ehsan dan bantuan dari orang lain semata-mata. Inilah satu kebanggaan yang tidak dapat kita pertikaikan.

Macamanapun mempunyai sistem pendidikan yang berjaya mencapai apa yang dihasratkan tidak bermakna jika rakyat tidak menikmati kehidupan yang selesa dan sejahtera tapi tidak sehat. Pembangunan manusia sebaiknya masyarakat hendaklah terhindar dari segala penyakit berjangkit dan yang membahayakan. Oleh itu, system dan perkhidmatan kesihatan sangat perlu disediakan. Kita juga tidak inginkan kehidupan masyarakat sentiasa dalam ketakutan dan kesengsaraan kerana tidak ada rasa keselamatan. Maka peraturan dan undang-undang digubal bagi dapat mengawal keamanan dan keselamatan rakyat. Semua perkhidmatan ini dikategorikan sebagai social goods dan wajar ditawarkan dan disediakan oleh kerajaan sebagai institusi yang diberi mandate sebagai pengawal dan penyedia. Ini semuanya telahpun diberikan dengan berkesan dan terus dinikmati oleh rakyat dan penduduk Brunei Darussalam.

Dengan adanya semua struktur ini iaitu pendidikan, kesihatan, undang-undang dan peraturan serta perkhidmatan yang membolehkan orang ramai menikmati dengan mudah dan senang maka taraf hidup akan terangkat dengan sendirinya apabila mereka dapat menggunakan keupayaannya untuk memilih keperluan yang diinginkan dalam kehidupan seharian. Umumnya jika diperkirakan secara statistik dan perbandingan dengan mana-mana jua negara, NBD tidaklah jauh tertinggal di belakang dari segi indikator social. Dalam susunan sukatan 'Human Development Index' (HDI) yang dikendalikan menggunakan criteria tertentu oleh Program Pembangunan PBB (United Nations Development Programme, UNDP), Brunei menduduki tangga teratas di kalangan Negara-

negara Islam dan di tangga ke 32 di kalangan Negara-negara ahli PBB. Berikut beberapa statistic yang menunjukkan beberapa indicator pencapaian dalam sosio-ekonomi.

**Jadual 1 Brunei Darussalam: Kadar Kelahiran dan Kadar Kematian bagi Tahun Terpilih**

Tahun	1971	1980	1981	1982	1983	1984	1988	1989	1990	1994	2000	2001	2002
Kadar Kelahiran/1000		31.2		29.2	28.8	29.5	28.5	27.8	26.8	25.6	22.4	22.1	21.9
Kadar Kematian/1000		4.0		3.9	3.5	3.6	3.2	3.3	3.1	3.2	2.7	2.9	2.9
Kadar Kematian semasa Kelahiran		17.5		12.8	10.9	13.6	6.8	9.2	8.4	8.4	5.9	7.4	7.0

Sumber: Statistical YearBook dan Key indicators, Various Issues, JPKE

**Jadual 2 Brunei Darussalam: Jangka Hayat Lelaki dan Perempuan bagi Tahun Terpilih**

Tahun	1971	1981	1986	1991	1999	2000	2001
Lelaki	61.9	70.7	72.6	72.1	73.5	73.5	73.5
Perempuan	62.1	72.7	76.4	76.5	76.8	76.9	76.6
Total Fertility Rate (TFR)				3.1	2.4	2.4	2.2

Sumber : Brunei Statistical YearBook Various Issues JKPE

Jadual 1 dan 2 memberikan gambaran bahawa NBD mempunyai rekod pencapaian indicator social yang baik dari segi kesihatan. Kadar kematian dan jangka hayat sebanding dengan kebanyakan Negara maju. Indeks social lain berkaitan dengan barang mewah juga didapati sangat menggalakan. Ini termasuklah statistic kemudahan penggunaan dan memiliki telefon, televisyen, kereta dan lain-lain lagi. Jalan raya di Negara ini semakin baik, masyarakat juga akses kepada letrik dan air bersih melalui paip hampir ke seluruh negara.

### **Perkembangan dan Kejayaan Pendidikan**

Kesedaran kepada pentingnya pendidikan sebagai pelaburan masa depan semakin meningkat di kalangan masyarakat Brunei sebelum merdeka lagi. Tapi kesedaran ini meningkat apabila ibubapa mula mampu membiayai pelajaran anak-anak. Ibu bapa menghantar anak ke sekolah swasta bagi yang berkemampuan dengan harapan kelulusan dan kelayakan yang baik dapat menjamin masa depan yang cerah. Dengan dasar pendidikan untuk memastikan anak Brunei bersekolah 12 tahun, ditambah lagi dengan kesedaran dan harapan ibubapa tadi, keramaian anak murid di semua peringkat sekolah

sentiasa meningkat. Ini setentunya membantu perkembangan sumber tenaga buruh di negara ini. Pada tahun 1974 jumlah murid dan pelajar di sekolah kindergarten, rendah, menengah, institusi teknikal dan vokasional, dan universiti berjumlah 45,824 (47.5 peratus adalah perempuan). Jumlah ini meningkat menjadi 102,705 orang (lihat Jadual 3).

**Jadual 3 Jumlah Murid dan Pelajar Berdaftar di Sekolah Rendah, Menengah dan Institute pengajian Tinggi**

Tahun	1974	1978	1982	1986	1990	1994	2000	2001	2002
Total	45,824	52,124	57,928	65,519	71,219	84,416	96,936	100,819	102,705
Lelaki (%)	52.5	51.5	51.2	51.1	38.7	50.8			
Perempuan (%)	47.5	48.5	48.8	48.9	61.3	49.2			

Sumber: EPU (1994), Key Indicators 2002, JKPE

Lepasan dari institusi pengajian, pelajar akan memasuki berbagai pekerjaan dalam sector swasta mahupun kerajaan.

**Jadual 4 Brunei Darussalam: Kadar Celek Huruf**

Tahun	1971	1981	1991	2001
Total	69.4	80.3	89.2	92.5
Lelaki	78.4	86.3	93.1	94.6
Perempuan	58.8	73.3	84.7	90.0

Sumber: Statistical Yearbook berbagai keluaran JKPE

Pencapaian pendidikan yang digambarkan oleh negara ini tidak diragukan telah membantu masyarakat menikmati kehidupan yang jauh lebih baik berbanding dengan kebanyakan negara yang tahap pendidikannya masih ditahap yang rendah kerana masalah yang mereka hadapi, selain dari masalah pergolakan politik yang menjejaskan tumpuan perhatian terhadap pembangunan terabai, juga disebabkan sumber kewangan yang terhad. Brunei bernasib baik kerana kerana dianugerahkan sumber peruntukan yang mencukupi bagi melaksanakan program dan projek pembangunan seperti pendidikan diberikan keutamaan dan perhatian yang sewajarnya.

Dalam membincangkan pencapaian ekonomi KDNK atau GDP per capita, Pendapatan Sumber Minyak dan hubungannya dengan perbelanjaan kerajaan serta pencapaian social telahpun dibuat kajian. Brunei sebenarnya melaksanakan program membina kemudahan asas dan dinikmati oleh masyarakat (lihat Ismail Duraman dan Amin Hashim, JANANG keluaran Akademi Pengajian Brunei). Bagi melihat pencapaian pembangunan bidang sosio ekonomi seterusnya ialah melihat pula sector pekerjaan.

## Perkembangan dan Isu Tenaga Kerja

Brunei mempunyai penduduk yang kecil dan ini akan menentukan sumber tenaga buruh yang kecil. Bagaimanapun masalah ini bukanlah sebagai faktor utama mengapa industri kurang berkembang kerana buruh murah boleh diperolehi dari luar negara. Kertas ini tidaklah bermaksud untuk membincangkan isu ini sungguhpun aspek pembangunan industri berkaitan dengan perkembangan ekonomi negara bergantung kepada sumber alam yang pupus. Apa yang ingin difokuskan ialah Brunei dengan system dan pertumbuhan penduduk berjaya menambah tenaga kerja dalam bidang tertentu samada di sector swasta mahupun di sector kerajaan yang menjadi kegemaran masyarakat tempatan.

Dari sudut yang lain, pengisian tenaga buruh di kalangan kaum wanita mula menyerlah dalam tahun 80an tanpa kita sedari. Kaum wanita telahpun mula mengambil alih sebahagian besar dari pekerjaan yang dulunya dipegang oleh lelaki telah dijawab oleh tenaga kerja wanita yang lebih berkelayakan dan berkemampuan. Bidang professional yang ditakuti oleh anak perempuan samada ada larangan adat atau budaya, pada masa kini telah tidak lagi menjadi isu dan persoalan. Majikan mengambil pekerja perempuan kerana lebih berkelayakan dan berkemahiran. Berbanding dengan pekerja lelaki yang tidak berkemahiran dan berterampilan. Ini bukan sahaja di sektor swasta malah di sektor kerajaan. Upah atau gaji yang diberi sama dan secara perlahan-lahan kita juga mula melihat jawatan tinggi yang dulunya tidak tergambar akan dipegang oleh kaum perempuan telahpun mereka jawat. Ini satu perkembangan dan perubahan penting dalam masa Negara melalui era kemerdekaan. Dari segi statistic pula kita boleh melihat bilangan keseluruhan tenaga kerja wanita menyumbang terhadap perkembangannya dan pembangunan Negara dalam berbagai sector produktif.

**Jadual 5 Sumber Tenaga Manusia**

Tahun	1991	1995	2001	2002
Tenaga Kerja ('000)	111.9	122.8	154.2	158.0
Lelaki	75.0	71.6	88.6	90.6
Perempuan	36.9	51.2	65.6	67.4
Bekerja ('000)	106.7	116.8	145.6	150.8
Lelaki	72.3	69.1	85.3	87.9
Perempuan	34.4	47.7	60.3	62.9

Sumber: Key Indicators JKPE



Jadual 5 menunjukkan bahawa jumlah tenaga kerja di Negara ini semakin meningkat, juga menurut jantina. Kedua-dua gender secara purata semakin bertambah dalam jangka masa dekad 90an. Walaumanapun, dalam tahun 90an juga menampakan perkembangan yang agak perlahan dari segi kadar penyertaan disebabkan keadaan ekonomi yang kurang menggalakan untuk menyerap tenaga buruh yang semakin bertambah. Akibatnya kadar pengangguran bertahan di tahap yang mengkhawatirkan bagi Negara kecil seperti Brunei ini. Kedua isu ini ditunjukkan dalam jadual berikut.

**Jadual 6 Kadar Peyertaan Tenaga Buruh (Labour Participation Rate) (%)**

Tahun	1991	1995	2001	2002
Lelaki (%)	65.6	66.5	69.3	69.0
Perempuan (%)	82.2	79.3	79.1	78.9
Total	46.4	54.2	59.3	59.1

Sumber: Key Indicators JKPE

### Isu Tenaga Kerja: Pengangguran

Penawaran buruh dalam sector pekerjaan adalah dihasilkan oleh agensi pendidikan dan pusat latihan dalam dan luar negara. Tidak dapat dinafikan bahawa kurikulum persekolahan, institusi pengajian teknikal dan pengajian tinggi memberikan input yang berpatutan bagi membolehkan sumber tenaga yang diperlukan dapat mengisi dan menampung keperluan industri yang ada di negara ini. Pengangguran pula terbit apabila suasana ekonomi kurang menggalakan bagi industri dan majikan dapat menerima semua penawaran yang sentiasa masuk ke dalam pasaran buruh. Jika dianalisis secara logik bahawa pengangguran adalah lebih pencari kerja. Dua faktor yang mesti dikaji penawaran dan permintaan kerana kedua-dua elemen ini punca tidak adanya keseimbangan dalam jumlah pencari kerja dengan jumlah kesanggupan organisasi memberi kerja. Masing-masing mempunyai objektif berbeza, malah bertentangan khasnya dalam syarat dan criteria pengambilan kerja. Perkara ini adalah hal teknikal yang memerlukan perbincangan teknikal. Bagaimanapun, satu lagi institusi yang bertanggung jawab dalam isu buruh ialah pembuat dasar iaitu kerajaan. Sejauh mana dasar yang dilaksanakan berhasil atau sebaliknya. Jika tidak berjaya dimana salahnya dan apa langkah yang lebih berkesan boleh dilakukan.

Jika system kadar upah adalah punca mungkin dapat diselaraskan bagi membolehkan permintaan dan penawaran diseimbangkan dalam erti kata system upah ditetapkan oleh mekanisme harga pasaran. Seandainya perlu kerajaan perlu berbuat sesuatu bagi mengatasi. Dalam realitinya hal ini tidak semudah itu dan masyarakat dengan budaya yang ada tidak mengizinkan perkara ini berlaku. Perkara ini disulitkan lagi oleh sikap dan minda yang dibentuk oleh kewujudan dasar rentier state. Dari segi ilmu dan pendidikan, masyarakat Brunei adalah mempunyai tahap pendidikan yang tinggi. Hampir keseluruhan lebih 90 peratus jenarasi negara celek huruf, kira-kira dan dwibahasa. Oleh itu, pengangguran, jika disebabkan oleh voluntary bukan salah system, tapi sikap memilih untuk menganggur.

**Jadual 7 Pengangguran bagi Tahun Terpilih**

Tahun	1991	1995	2001	2002
Pencari Kerja berdaftar ('000)	5.2	6.1	8.6	7.2
Lelaki	2.7	2.5	3.3	2.7
Perempuan	2.5	3.6	5.3	4.5
Peratus Pencari Kerja	4.7	4.9	5.6	4.6

Sumber: Key Indicator 2002, JKPE

Dari sudut demografi penduduk rakyat Negara ini majority muda belia kerana kadar pertumbuhan penduduk yang agak tinggi sungguhpun dari segi kuantiti agak kecil. Berpandukan kepada peningkatan jangka hayat bagi penduduk, Negara ini akan berhadapan pula dengan masyarakat tua. Jadinya scenario yang dapat dijangkakan dalam masa yang akan datang ialah Brunei mempunyai zaman jenarasi muda dan tua sezaman. Ini satu keadaan yang bakal dialami oleh Brunei seandainya trend kadar pertumbuhan penduduk tinggi berlanjutan diikuti oleh proses pertambahan warga tua ekoran peningkatan jangka hayat yang ada sekarang. Perubahan demografik ini signifikan kerana akan menjadi satu isu yang perlu ditangani di mana permintaan dan penawaran barangan dan perkhidmatan akan berubah apabila keperluan golongan warga tua ini terpaksa disediakan. Manakala golongan muda pula akan sentiasa peka terhadap perubahan keadaan dan mereka akan memerlukan permintaan tertentu kerana faktor perubahan yang dibawa oleh arus pemodenan dan oleh kemajuan sains dan teknologi dan juga Info Komunikasi Teknologi (ICT). Semua ini merupakan variable memerlukan perubahan dan pengubalan dasar menagani agar tidak timbul masalah kejutan dalam permintaan dan kemudahan.

#### **Isu Sumber Pembangunan Manusia : Pengagihan Pendapatan**

Satu aspek penting dalam pembangunan seperti yang dibahaskan awal-awal dalam membincangkan pencapaian sosio-ekonomi dan sering pula terabai samada sengahaja ataupun tidak ialah sejauh mana kekayaan diagihkan dengan sebaiknya. Keadilan dalam pengagihan pendapatan faktor penting bagi kestabilan social dan ekonomi negara. Dasar dalam pengagihan kekayaan juga menjadi berguna dalam sosio-politik negara. Pengagihan pendapatan yang semakin merata akan dapat membawa mereka yang menerima manfaat terangkat kedudukannya untuk menyumbang lebih dalam pembangunan akibat dari perubahan dasar yang berkesan tadi dan seterusnya meningkatkan kemajuan yang dineikmati oleh negara. Dalam masa yang sama seperti yang kita tidak sedari ada pula golongan yang terjejas akibat dari setiap kali berlakunya perkembangan dan perubahan dasar social dan apabila pertumbuhan ekonomi berlaku.

Pendapatan boleh diperolehi dari penerimaan upah, gaji, dividen, untung, sewa dan hasil yang diterima melalui apa jua usaha. Sebahagian besarnya adalah hasil upah kerana bekerja, menanam modal atau melabur dan memperolehi bayaran sewa dan keuntungan dari perniagaan.

Anggaran agihan pendapatan di Brunei susah untuk dikira secara tepat kerana selain masalah data juga satu perkara yang sensitive bagi segolongan orang. Dari kajian terdahulu dibuat oleh Arief 1986, memang terdapat jurang perbezaan pendapatan yang ketara antara mereka yang berpendapatan rendah dan yang berpendapatan tinggi. Gini Coefficient (GC) dalam kajian Arief adalah 0.57. Jika GC melebihi 0.5 bermakna perbezaan agak besar. Namun demikian Suzimah 1996 menggunakan data census 1991 mendapati GC menurun menjadi 0.47. Ini pertanda baik di mana ada pengurangan dalam jurang pendapatan antara dua golongan dalam pembahagian kekayaan Negara. Kajian Suzimah juga mendapati pendapatan golongan mereka yang berpendapatan pertengahan semakin teragih meluas. Ini juga satu hal yang baik kerana semakin ramai mereka yang memasuki golongan pendapatan pertengahan. Jadual 9 memberi gambaran yang jelas jika kita lihat ruang peratus suri rumah antara dua tahun perbandingan (1981 dan 1991), adanya pengurangan peratus suri rumah yang menerima pendapatan rendah jauh berkurangan misalnya mereka yang menerima 500 ke bawah berubah dari 20.8 kepada kira-kira 3 peratus dan seterusnya. Sebaliknya peratus yang menerima kumpulan pendapatan pertengahan semakin meningkat dan merata (distributed) dalam tahun 1991.

Data untuk pendapatan dari census 2001 belum diperolehi untuk melihat agihan pendapatan 10 tahun selepas 1991. Walau bagaimanapun, dari segi perkembangan social yang lain menampakkan terdapatnya mereka yang mula menerima kesan pembangunan. 'Kemiskinan' isu lain yang mungkin berkaitan dengan pengagihan kekayaan dan dasar bagaimana kerajaan menyalurkan hasil sumber alam negara. Kita sering pula mendengar adanya golongan yang menjadi terpinggir di samping negara mengalami suasana pembangunan. Definisi kemiskinan bagi Brunei setentunya tidak akan sama dengan definisi kemiskinan negara lain. Ia lebih berbentuk relative dan bukan absolute.

Pertambahan golongan pertengahan sejak dua dekad yang lalu memberikan maksud bahawa kehidupan sebilangan masyarakat telah meningkat. Dari sudut pandangan ekonomi ini adalah satu perkembangan positif yang boleh menyumbang dan pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi. Kuasa beli meningkat dan bergantung kepada kecenderungan menabung, akan dapat mengembangkan pertumbuhan ekonomi. Soal yang lain ialah adakah kemudahan dan keinginan menabung menjadi budaya di negara ini. Apa yang dimaklumi masyarakat mula terjebak dalam budaya berhutang. Ini lagi satu fenomena dalam pembangunan.

Jadual 8 : Pengagihan Pendapatan 1981 dan 1991

Kumpulan Pendapatan suri rumah	Peratus Pendapatan diterima (%)		Kumulatif Pendapatan (%)		Peratus Suri rumah (%)		Kumulatif Suri rumah (%)	
	1981	1991	1981	1991	1981	1991	1981	1991
Tahun	1981	1991	1981	1991	1981	1991	1981	1991
500 kebawah	6.2	0.24	6.2	0.24	20.8	2.92	20.8	2.92
500-999	24.2	3.95	30.6	4.19	43.5	16.04	64.3	18.96
1000-1499	15.4	6.63	46.0	0.82	16.0	16.13	80.3	35.09
1500-1999	11.5	7.58	57.5	18.4	8.3	13.16	88.6	48.25
2000-2499	7.1	7.97	64.6	26.37	4.0	10.77	92.6	59.02
2500-2999	4.4	7.25	69.0	33.62	2.0	8.02	94.6	67.04
3000-3499	4.3	7.08	73.3	40.7	1.6	6.62	96.2	73.66
3500-3999	2.4	5.97	75.7	46.67	0.8	4.84	97.0	78.50
4000-4499	2.7	6.07	78.4	52.74	0.8	4.34	97.6	82.84
4500-4999	1.3	4.69	79.7	57.43	0.3	3.00	98.1	85.84
5000-5999	2.6	8.12	82.3	65.55	0.6	4.49	98.7	90.33
6000-6999	1.4	6.27	83.7	71.82	0.3	2.93	99.0	93.26
7000-7999	0.7	4.12	84.4	75.94	0.1	1.70	99.1	94.96
8000-8999	0.7	3.48	85.1	79.42	0.1	1.24	99.2	96.20
9000-9999	0.3	2.66	85.4	82.08	0.1	0.85	99.3	97.05
10000-14999	1.7	7.21	87.1	89.29	0.2	1.75	99.5	98.80
15000 keatas	13.0	10.63	100.0	100.0	0.5	1.20	100.0	100.0

Sumber: Disesuaikan dari Suzimah (1996)

Bagaimanapun, seperti yang diharapkan pembangunan murni yang diinginkan akan hanya bererti seandainya hasil yang diperolehi dari proses pembangunan dinikmati oleh warga tempatan yang bernaung dan berlindung di negara berkenaan. Bukan hasil pembangunan dinikmati dan dikecapi sebahagian besarnya kepada masyarakat luar yang turut berlindung dan mengirinkan pendapatan mereka kenegara masing-masing. Ini bermakna bahawa pekerjaan dan penyertaan yang diwujudkan hendaklah disertai oleh penduduk tempatan, bukan hanya menumpang dan merasa dagang di negara sendiri (jika ada statistik). Perkiraan secara average adalah luaran dan menjadi kayu ukur kasar. Yang penting ialah pengagihan dan penyertaan serta benar-benar menikmati.

### Masalah dalam Pembangunan

Pembangunan dapat dirancang dengan baik dan teratur tapi terikat kepada keadaan dan suasana diperekitaran. Bersama pembangunan yang dicapai juga ialah kos yang kadang-kadang terlupa diperhitungkan apabila pembangunan dilaksanakan. Dan adalah menjadi lumrah alam, proses pembangunan tidak selalunya mudah dan lancar. Rintangan dan cabaran memang banyak dalam berbagai bentuk dan keadaan. Selain kekurangan sumber kewangan, ada cabaran yang datang dari dalam negara sendiri. Hal ini mungkin diakibatkan oleh kelemahan dasar dan system yang diamalkan. Ia mungkin juga disebabkan oleh kesilapan dalam pelaksanaan rancangan kemajuan berkenaan. Misalnya

ada peraturan yang kurang fleksibel dan tidak lagi bersesuaian. Ini boleh saja menghambat dan membantutkan perkembangan sector produktif yang natijahnya negative untuk membuka peluang pekerjaan baru. Faktor sikap tenaga kerja yang tidak peka dengan budaya kerja berdaya maju yang bersarang dalam budaya kehidupan masyarakat dan ingin bersenang lenang juga punca kegagalan projek pembangunan. Budaya lepak (complecent) mungkin diterbitkan oleh konsep 'rentier state.' Kewujudan dasar rentier state tidak disedari apabila kehidupan mewah melalaikan sehingga tidak mengindahkan pembangunan sector swasta bagi menyumbang kepada peluang pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi secara menyeluruh.

Ada pula cabaran yang datang dari luar system seperti pengaruh globalisasi yang memaksa kita terpaksa membuat sesuatu tanpa persediaan yang rapi (keep up with the Joneses) meskipun kita beranggapan kita telah bersedia. Sedangkan dalam keseluruhan komponen kita masih mencari-cari apa sebenarnya yang kita inginkan dan bagaimana memberikan keutamaan sehinggakan projek yang kita anggap kita sudah umumkan sebenarnya belum dapat dilaksanakan, misalnya penswastaan Telekom.

Satu masalah dan cabaran yang susah untuk di kawal ialah kesan negatif 'externality.' Externality adalah perbuatan atau tindakan atau peristiwa dari luar yang mengakibatkan system dalaman kita terganggu atau terjejas dengan serious. Jika kesannya minor dapatlah diatasi tapi jika serious atau major sukar untuk menangani. Misalnya krisis ekonomi dalam tahun 1997. Satu keadaan yang berlaku diluar negara tapi memberikan kesan buruk kepada negara lain. Kita hanya menyedari apabila ekonomi sukar untuk berfungsi dengan baik dan kita menjadi susah dan menerima kesan dari kejadian di luar kawalan kita. Sungguhpun kesan externality ini tidak dapat dikawal sepenuhnya tapi perlu di kesan dan dikurangkan agar kita tidak menerima akibat sepenuhnya. Dalam hal ini apakah kita perlu mempunyai agensi bagi mengawal dasar kewangan sendiri.

### **Kesimpulan dan Cabaran Ekonomi Abad ke 21**

Tidak dapat dinafikan bahawa dalam konteks pembangunan Negara yang menjadikan ajaran ISLAM sebagai teras telah membentuk pembangunan yang bersesuaian dengan aspirasi yang dihasratkan. Hasil pendapatan dari sector minyak dan gas telah dapat disalurkan kepada masyarakat dalam bentuk pembangunan fizikal dan social. Penyaluran dibuat melalui RKN dan ini dapat dibuktikan dalam indicator social yang membanggakan (Jadual 1). Telah banyak perubahan dan kemajuan yang dapat dimanfaatkan oleh orang Brunei. Taraf kehidupan telahpun jauh berubah dibandingkan dari zaman sebelum merdeka.

Setelah dua dekad kemerdekaan, proses pembangunan Negara ini, sungguhpun telah mencapai beberapa objektif pembangunan ini tidak bermakna pembangunan berakhir. Malah usaha membangun Negara wajar dipergiat kerana suasana perubahan persekitaran dan pengertian pembangunan sendiri perlu diperkemas agar lebih relevan dan bermakna.

Dalam konteks ini sudah tiba masanya untuk membuat penilaian semula samada, agenda yang diilhamkan dua dekad lalu dan keutamaan masih relevan dengan suasana masa kini.

Misalnya kemahiran dan budaya kerja serta pengurusan konvensional sudah tidak lagi sesuai diguna pakai. Ini menghendaki pembaharuan dan latihan, suntikan semangat motivasi baru dan pemikiran terbuka bagi menerima pembaharuan lagi berwawasan. Projek pembangunan yang tidak menampakkan kemajuan juga wajar dinilai semula, jika menjadi beban kewangan. Mungkin ada baiknya sumber berkenaan diagihkan kepada bidang lebih memerlukan dan lebih bermanfaat. Ini isu berkaitan dengan pemilihan priority. Begitu juga pendekatan mengendalikan apa jua projek boleh diubah-suai dan diperbaiki bagi memastikan tidak ada pembaziran. Ringkasnya penilaian ekonomi boleh dibuat bagi memastikan sumber yang terbatas dapat diagihkan secara optimum dan pulangan manfaat dimaksimakan.

Cabaran yang berbagai corak dan bentuk setentunya tidak mudah untuk dikekang sekalipun dikenal pasti kerana hambatan dari faktor luaran terhadap penghuni negara memerlukan pendekatan yang lebih cekap dan berkesan. Apakah di antara cabaran yang dihadapi masa kini:

- Bagaimana NBD dapat mempertahankan taraf hidup yang dialami ini akan dapat juga dialami oleh jenarasi akan datang. Perkara ini adalah satu isu yang sukar untuk ditangani. Bukan sahaja memerlukan sumber yang banyak malah juga memerlukan semangat dan komitmen yang tinggi.
- Perubahan landskap akibat peristiwa September 11 telah banyak mengubah dasar Amerika Syarikat terhadap negara membangun termasuk NBD. Jika perkara ini tidak di ambil perkiraan, aktiviti ekonomi termasuk ekport akan terjejas. Usaha untuk mendapatkan keistimewaan juga tidak lagi mudah. Dalam erti kata yang lain, perkembangan semasa oleh negara besar angkuh dan berkuasa memberikan kesan terhadap perkembangan ekonomi dunia khususnya negara Islam.
- Kebangkitan kuasa ekonomi baru India dan China, juga akan memberikan impak terhadap pergolakan ekonomi dunia yang masih tidak menentu. Kehadiran mereka ini sungguhpun memberikan nafas baru dari segi peluang, tapi dalam masa yang sama juga akan menjadi seteru jika negara kecil tidak bersedia menyahut cabaran dari dua gergasi ekonomi itu. Kelebihan kedua kuasa besar ekonomi ini dimaklumi kerana mereka mempunyai pasaran yang besar dan kos pengeluaran barangan yang rendah akan mengeksport barangan mereka dengan harga yang jauh lebih murah berbanding dengan kebanyakan negara lain, terutamanya produk dalam bidang ICT dan barang-barang buatan (manufactured goods).

- Bagaimanakah proses pembangunan yang kita lalui masa kini akan dapat menjamin setidak-tidaknya mempertahankan taraf hidup yang sebanding bagi jenerasi akan datang yang belum lahir dan belumpun mempunyai suara untuk menuntut apa kekayaan yang akan mereka neikmati dan miliki. Mempertahankan taraf hidup yang dineikmati masa kini untuk jenerasi yang akan datang adalah satu tanggung jawab yang berat dan mesti dilaksanakan dalam konteks pembangunan yang terarah dan dimaksudkan oleh NBD.